

# Tradewinds Plantation lebar sayap ke Indonesia

**T**RADEWINDS Plantation Bhd yang mahu menumpukan perniagaannya kepada kegiatan hulu sawit merancang mengembangkan operasinya ke Indonesia.

Pengarah Urusannya, Dr Radzuan Abdul Rahman, berkata langkah itu sejajar dengan pelan pengukuhan jangka panjang syarikat, memandangkan kawasan bagi penanaman sawit di negara ini semakin terhad.

Beliau berkata, bagi tujuan itu syarikat kini dalam proses mengenal pasti lokasi strategik dan kajian berhubung kemungkinan untuk membangunkan kawasan penanaman sawit di Indonesia secara berseendirian.

"Kami belum memutuskannya, ia perlu dibuat dengan teliti dan kami menjangkakan kajian mengenainya dapat disiapkan akhir tahun ini atau awal tahun depan.

"Cadangan ini dijangka memerlukan kawasan yang cukup luas kira-kira 20,000 hektar kerana saiz adalah penting bagi memastikan kos pengeluaran dapat dikurangkan," katanya.

Beliau menjelaskan, kos pengeluaran minyak sawit mentah (CPO)

di Indonesia kini ialah kira-kira RM500 satu tan berbanding di Malaysia antara RM750 hingga RM800 satu tan.

Radzuan berkata, berdasarkan kepada saiz ladang dan kos lain, pelaburan bagi membangunkan ladang sawit di Indonesia memerlukan kira-kira RM100 juta.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran Tradewinds Plan-



*Kami belum memutuskannya, ia perlu dibuat dengan teliti dan kami menjangkakan kajian mengenainya dapat disiapkan akhir tahun ini atau awal tahun depan"*

**Dr Radzuan Abdul Rahman**  
Pengarah Urusan Tradewinds Plantation Bhd

tation di Kuala Lumpur, semalam.

Ia dirasmikan Pengerusi Tradewinds Corporation Bhd, Datuk Seri Megat Najmuddin Megat Khas dan Pengerusi Tradewinds Plantation, Datuk Mohd Noor Ismail.

Tradewinds Plantation yang diperbadankan pada 23 April 2004, adalah gabungan antara Tradewinds Malaysia Bhd dan Johor Tenggara Oil Palm Bhd.

Syarikat perladangan kelima terbesar itu kini memiliki simpanan tanah seluas 126,980 hektar di Malaysia, dengan hanya 59 peratus atau 75,353 hektar daripada keluasan itu ditanam dengan sawit.

Di samping itu ia juga menguruskannya ladang sawit secara usaha sama di Sarawak dan Pulau Bangka, Indonesia.

Radzuan berkata, syarikat menjangkakan mencatatkan pengurangan kos pengeluaran CPO sebanyak dua angka tahun ini, manakala penghasilan buah tandan segar dan minyak sawit bagi setiap hektar dijangka berkembang pada kadar satu angka.

Dari segi profil ladang 46 peratus adalah di bawah lapan tahun, manakala 41 peratus antara sembilan tahun hingga 18 tahun.